

Aplikasi

Fin^e Portal

Financial Excellence Portal



Latar Belakang

Pejabat Bendahari sentiasa memberi perhatian untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem perkhidmatan kepada pelanggan. Satu inisiatif untuk membangunkan Portal Kewangan UiTM telah bermula pada Mei 2008 dan telah siap pada November 2009. Ia merupakan gerbang masuk utama kepada capaian maklumat dan perkhidmatan yang disediakan oleh Pejabat Bendahari.

Antara tujuan Portal Kewangan adalah untuk menggantikan Laman Web Pejabat Bendahari agar fungsinya lebih bersifat dinamik serta menyediakan perkhidmatan dalam talian bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan keutuhan perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan.


Kebaikan

- Perkhidmatan FinePortal boleh dicapai dan diperolehi secara maya tanpa batasan masa dan tempat
- Penggunaan '*single -sign on'* memudahkan pelanggan untuk mencapai masuk ke beberapa aplikasi dengan hanya menggunakan satu pengenalan diri

Transformasi kerja secara konvensional kepada perkhidmatan maya menepati kehendak masa kini serta memberi kemudahan dan keselesaan membuat capaian tanpa batasan masa dan tempat. Secara tidak langsung mutu perkhidmatan kepada pelanggan akan menjadi lebih baik, sistematik dan kos pengoperasian dapat dikurangkan.

Penggunaan *single-sign on*, kepentingan kepuasan pelanggan, teknologi keselamatan data dan sistem adalah ciri utama Portal Kewangan.

Seiring dengan slogan Portal Kewangan, iaitu 'Ke arah Kecemerlangan Perkhidmatan Kewangan', Pejabat Bendahari akan sentiasa menyediakan perkhidmatan berkualiti secara cekap, berkesan dan cemerlang.



The screenshots show the Fin^e Portal homepage with the university logo and navigation links like 'LAMAI UTAMA', 'KORPORAT', 'E-PESAWATAN & PEGELING', 'LOG MASJID', and 'MEDIA SOSIAL'. Below it is the 'Access 1UiTM' section featuring the 'UITM-Web SingleSign On' logo. The bottom part shows the mobile application interface with fields for 'ID Walemat', 'ID Pengguna', 'Kata Laluan', and 'Kata Laluan' again, along with 'Log Masuk' and 'Forgot Password?' buttons.

Aplikasi Fin^e Portal

TENAGA KERJA

3 Orang (1 PTM, 2 PPTM)

INFORMASI FinePortal

10 Modul Utama

4 Kategori Pengguna

Staf, Pelajar, Vendor,
Agenzi Luar

INFRASTRUKTUR FinePortal

- Aplikasi:
FourJs Genero, Joomla (PHP), Lotus Domino (LDAP)
- Pangkalan Data:
Informix


  



OBJEKTIF

Antara objektif Portal Kewangan diadakan adalah:

- Ke arah perkhidmatan yang **mudah, cepat** dan **selesa**.
- Memastikan perkhidmatan kewangan dapat disampaikan kepada pelanggan secara **dalam talian (online)**.
- Membantu **memperbaiki mutu perkhidmatan** melalui penggunaan Internet.
- Ke arah **perkhidmatan maya**.
- Mewujudkan **proses** dan **capaian secara dinamik**.
- Menyediakan **sumber maklumat** dan **perkhidmatan berintegrasi** secara tepat dan terkini.



MODUL

Portal Kewangan mempunyai dua komponen utama iaitu:

1. Aplikasi Portal Kewangan

- Portal Kewangan merupakan gerbang laluan kepada aplikasi kewangan seperti, Web Pelajar dan perolehan secara elektronik, iaitu FinEProcurement Plus.
- Pada tahun 2015, halaman utama portal telah dinaiktaraf menggunakan teknologi perisian CMS Joomla.

2. FAIS Web Enablement

- FinePortal menyediakan kemudahan capaian kepada Financial Accounting Integrated Sistem (FAIS) dengan keupayaan pengubahan sistem berdasarkan '*character base*' kepada capaian WEB. Ciri-ciri tersebut telah dibangunkan dengan menggunakan teknologi Perisian 4J's Genero.
- Capaian *Web Enable* telah membantu pelanggan menggunakan perkhidmatan yang disediakan tanpa batasan masa dan tempat.

PERKHIDMATAN

FineLoan

Permohonan secara dalam talian bagi pinjaman kenderaan dan komputer.

FinePayment

Perkhidmatan pembayaran tuntutan perjalanan, tuntutan SKP untuk pelajar, bayaran kepada pembekal dan elauan pelajar.

FineAccount

Menyediakan kemudahan kepada staf Bahagian/Unit Kewangan Zon/Cawangan membuat permohonan membuka pusat kos dan kod akaun baru. Laporan mengenai pusat kos dan kod akaun yang telah dibuka boleh dicetak.

FinePayroll

Menyediakan perkhidmatan tuntutan lebih masa, tuntutan syarahan, perolehi slip gaji dan pelbagai maklumat berkaitan gaji staf secara mudah, efisien dan tepat.

FineBudget

Perkhidmatan bagi penyediaan bajet tahunan, agihan peruntukan serta kawalan dan pemantauan prestasi perbelanjaan.

FineTrust

Permohonan pewujudan projek untuk kelulusan peruntukan daripada tabung amanah. Status permohonan boleh didapati juga dalam aplikasi yang sama.

Aplikasi tersebut juga berfungsi untuk pengurusan pembayaran bantuan kewangan kepada pelajar seperti zakat.

FineAssets

Memaparkan maklumat terkini berkaitan harta benda di bawah kawalan staf.

FineServices

Memberi perkhidmatan sokongan dalam talian sedia ada seperti Info Bayaran.

FineMobile

Menyediakan sebahagian kemudahan FinePortal dalam persekitaran mobile tetapi terhad kepada perkhidmatan seperti maklumat gaji, maklumat aset di bawah jagaan staf dan *calculator* pinjaman yang disediakan oleh UiTM.



Untuk maklumat lanjut,
sila hubungi pegawai berikut:

- Jabatan Pengurusan Akuan & Sistem Kewangan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
- Tel. : 03-55443398
- Faks : 03-55443301
- <https://myfinancial.uitm.edu.my>

Sila imbas QR Code
untuk mendapatkan maklumat terkini
mengenai Jabatan Infostruktur



Pejabat
Pembangunan
Infrastruktur
dan Infostruktur